

29/08/1998

Pelajar IPT tempatan lebih baik

Pemuda Wawasan

KEGAWATAN ekonomi menyebabkan Kerajaan Malaysia mengambil pelbagai langkah jimat cermat. Antaranya, tidak lagi menghantar pelajar ke luar negara dalam jumlah yang besar seperti sebelumnya. Timbul persoalan adakah tindakan kerajaan ini benar-benar sesuai? Apakah ia sepatutnya dibuat sejak dulu lagi? Apakah bezanya lulusan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan dengan lulusan luar negara?

Sebagai pelajar yang sedang menuntut di Melbourne, Australia, dan pernah menuntut di United Kingdom (UK) dan Malaysia, saya nyatakan secara terperinci pelbagai pengalaman dan penelitian peribadi terhadap pelajar di negara sendiri, Australia dan UK.

Pelajar luar negara diklasifikasikan sebagai golongan 'elit' oleh sesetengah pihak. Apatah lagi mereka dari sekolah berasrama penuh yang juga dianggap 'elit'. Kebiasaannya mereka mendapat keputusan terbaik sebelum terpilih ke luar negara.

Graduan lulusan luar negara juga kadangkala dianggap 'glamour' oleh sesetengah pihak, kononnya mendapat pendedahan meluas dibandingkan pelajar di IPT. Ini juga memberikan satu kelebihan untuk mendapat jawatan dalam sektor swasta dan kerajaan. Fakta ini mungkin tepat pada masa dulu tetapi sejak kegawatan ekonomi ini dan pengurangan penghantaran pelajar Malaysia ke luar negara menyebabkan kami berasakan graduan luar negara sekarang perlu dinilai semula dari pelbagai aspek.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menyuarakan rasa kesal terhadap pelajar Malaysia di luar negara kerana tidak mengambil kesempatan menguasai dan menggunakan bahasa Inggeris dengan baik ketika di sana. Mereka juga tidak bercampur dengan masyarakat setempat. Ramai duduk serumah dan terus bercakap dalam dialek kenegerian. Ini menyebabkan tahap bahasa Inggeris mereka tidak berubah tambahan pula kursus yang mereka ikuti tidak membabitkan banyak sesi perbincangan.

Di Melbourne sendiri, kebanyakan pelajar tinggal dalam satu rumah yang sama dan tidak bercakap dalam bahasa Malaysia standard. Rata-rata bercakap dalam bahasa pasar dan menjadi tabiat sehinggalah mereka balik ke Malaysia. Oleh kerana tinggal serumah dengan rakan dari Malaysia, mereka masih lagi terus menggunakan bahasa 'in-group' iaitu bahasa yang hanya boleh difahami golongan itu.

Seorang pengurus kanan di sebuah syarikat multinasional di Kuala Lumpur turut bersetuju mereka yang belajar di luar negara tidak semestinya memiliki penguasaan bahasa Inggeris yang baik.

Ketika belajar di Melbourne, saya dapati ramai pelajar Malaysia tidak membabitkan diri dengan sebarang persatuan sama ada berbentuk akademik atau bukan akademik.

Apa yang saya lihat ialah pelajar IPT Malaysia lebih aktif dalam pelbagai aktiviti persatuan dan mempunyai daya kepemimpinan dibandingkan pelajar luar negara. Kita juga sedia maklum kebanyakan universiti tempatan mengenakan syarat pelajar mesti aktif dalam persatuan jika mahu memohon tempat penginapan di kolej mereka. Di Australia boleh dikatakan semua aktiviti persatuan dimonopoli oleh pelajar tempatan sedangkan pelajar Malaysia hanya bertindak sebagai 'melukut di tepi gantang'. Kalaupun mereka aktif itupun untuk persatuan yang ada kaitan dengan Malaysia seperti Persatuan Pelajar Malaysia dan Kelab Umno.

Sikap ini menjadikan pelajar luar pasif dan tidak proaktif. Kebanyakan mereka tidak berani menjadi pemimpin sebaliknya 'pengikut' atau 'pak

turut'. Kalaupun ada perjumpaan yang dirancang oleh pelajar Malaysia, ramai yang datang hanya untuk 'mengisi perut'.

Pelajar kita juga tidak menggunakan kemudahan teknologi maklumat (IT) sepenuhnya, malah tidak tahu menggunakan Internet untuk mengetahui sebarang perkembangan yang berlaku di tanah air.

Lantaran itu, ramai pelajar kita tidak peka masalah di negara sendiri. Malah, pelajar asing lebih banyak mengetahui mengenai perkembangan semasa di Malaysia menyebabkan pelajar kita 'terkapai-kapai' apabila diajak berbincang. Sebagai contohnya, kekecohan hari pertama pembukaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Sukan Komanwel yang bakal menjelang. Adakalanya apabila pelajar negara jiran memperbesar-besarkan isu negatif mengenai Malaysia, pelajar kita tidak langsung dapat 'menangkisnya'. Di mana letaknya tanggungjawab yang dulunya dibanggakan pelajar luar negara umpama duta kecil?

Berdasarkan pengalaman dan penelitian peribadi ini, saya menyokong sebarang usaha kerajaan untuk mengurangkan pelajar ke luar negara. Lagipun, sudah tiba masa kita mempunyai sikap jati diri dan yakin terhadap kemampuan universiti tempatan yang bukan saja berwibawa dan berpotensi malah ramai pemimpin kita adalah lulusan tempatan.